

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 9 ISSUE 2 2024

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University Of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



ULASAN BUKU/BOOK REVIEW

**27 Haiwan Istimewa dalam Al-Quran Tinjauan Tafsir Tematik dan
Sosiolinguistik oleh Muhammad Widus Sempo (2022).
Universiti Sains Islam Malaysia. 287 halaman.**

Hazlin Hussain^{1*} & Haziyah Hussin²

¹Pelajar Sarjana, Program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah), Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

²Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

*Corresponding author: p135173@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2024-0902-11>

Article history

Received:
30/09/2024

Revised:
23/11/2024

Accepted:
08/12/2024

Published:
31/12/2024

Buku bertajuk *27 Haiwan Istimewa dalam al-Quran* yang bersifat ensiklopedia ini diterbitkan oleh Penerbit USIM, Nilai, Negeri Sembilan. Ia adalah cetakan kedua pada tahun 2022. Di dalam buku ini, 27 jenis haiwan diuraikan secara terperinci termasuk haiwan yang diklasifikasikan sebagai mamalia, serangga, burung, ikan, haiwan melata dan haiwan dua alam melalui pendekatan tafsir tematik dan sosiolinguistik yang komprehensif. Buku ini mempunyai 23 bab yang kesemuanya membahaskan berkaitan tema utama iaitu haiwan dalam al-Quran. Kekerapan penyebutan setiap jenis haiwan dan tamsil-tamsil al-Quran yang membabitkan haiwan sebagai bahan perumpamaan turut dinyatakan dalam glosari buku. Setiap bab dibekalkan dengan rumusan pengajaran dan hikmah kehidupan. Setiap haiwan yang disebut dalam al-Quran adalah sangat bersesuaian dengan maksud dan pengajaran hidup yang dizahirkan oleh Allah SWT.

Buku yang memiliki 287 muka surat ini ditulis oleh Muhammad Widus Sempo iaitu Timbalan Pengarah Akademik dan Pentadbiran Institut Sains Islam (ISI) (2015-2018) dan Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Al-Azhar dalam bidang tafsir dan ilmu-ilmu al-Quran di Kaherah, Mesir. Antara buku yang pernah diterbitkan ialah *Pengisian Jina Berteraskan Wawasan Al-Quran dan Sunnah, Sains Islam, Satu Hari Satu Hikmah* dan *Tafsir Saintifik Al-Quran*. Di dalam bab pertama, penulis mengemukakan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi nama dan istilah-istilah haiwan tersebut. Penulis juga menghuraikan daripada 27 jenis haiwan yang disebutkan di dalam al-Quran, terdapat 13 jenis haiwan yang lebih banyak disebutkan dan dikategorikan sebagai haiwan mamalia. Manakala di bab dua sehingga bab 23, penulis menyenaraikan perkataan arab bagi setiap haiwan yang dibincangkan selain memuatkan maklumat tambahan mengenai tabiat biologi, hikmah dan pengajaran di sebalik penciptaan haiwan tersebut.

Penulis menghuraikan dan membincangkan tema haiwan dalam setiap bab dan meletakkan jenis haiwan itu sebagai tema setiap bab. Berdasarkan justifikasi ini, kitab ini ialah *tafsir maudu'i* jenis tema seiring dengan penjelasan penulis di bahagian prakata. Bagi melihat sejauh mana buku ini mematuhi prosedur kerja *tafsir maudu'i* jenis tema, kerangka kerja Sheikh Solah Abdul Fattah al-Khalidi dalam bukunya "*al-Tafsir al-Maudu'i bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*" digunakan. Beliau telah menetapkan 10 langkah khusus untuk melakukan *tafsir maudu'i* jenis tema iaitu dengan memilih tema al-Quran yang hendak dikaji, menjelaskan tujuan utama penulisan dilakukan, mengumpulkan ayat yang berkaitan dengan tema, menerangkan makna lafaz berdasarkan *mu'jam* yang utama, mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai lafaz yang asas bagi tema, menerangkan *asbabun nuzul*, menafsirkan ayat berdasarkan kitab-kitab tafsir yang utama, menjelaskan kaitan lafaz atau tema dengan isu semasa, mengemukakan kesimpulan bagi tafsiran ayat-ayat bagi tema yang dipilih sebagai pengajaran ayat dan terakhir membuat penelitian terhadap kajian dan penyelidikan kontemporari yang mempunyai kaitan dengan tema.

Pertama, dari sudut pemilihan tema, al-Khalidi mengatakan adalah tidak sesuai untuk memilih tema yang hanya mempunyai satu ayat sahaja dalam al-Quran. Tema haiwan yang dipilih penulis mempunyai ruang lingkup yang luas untuk dibahaskan kerana tema haiwan itu sendiri mempunyai sejumlah ayat yang boleh dikelompokkan menjadi tema-tema dalam kajian. Kedua, menurut al-Khalidi, menjelaskan tujuan kajian adalah langkah umum yang perlu ada dalam kajian *tafsir maudu'i*. Buku ini bertitik tolak daripada idea untuk mengenalpasti haiwan yang disebutkan di dalam al-Quran dan kemudian kesan dan pengajaran di sebalik tabiat haiwan itu menghasilkan hikmah yang boleh diterapkan dalam kehidupan. Ketiga, penulis juga didapati mengikut prosedur kerja pengumpulan ayat dengan mengumpulkan semua ayat yang berkaitan dengan pelbagai jenis haiwan yang disebutkan di dalam al-Quran seperti haiwan mamalia, serangga, haiwan dua alam, haiwan melata dan lain- lain. Seterusnya, al-Khalidi menetapkan bahawa penulis perlu menerangkan makna lafaz berdasarkan *mu'jam* yang utama. Penulis banyak merujuk *mu'jam* untuk menerangkan perkataan bahasa Arab yang merujuk jenis haiwan, sifat haiwan termasuk kosa kata yang merujuk kepada haiwan itu. Antaranya *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, *al-Mu'jam al-Wasit*, *Mu'jam Divan al-Adab* dan *al-Mu'jam al-Awsat*. Al-Khalidi turut meletakkan syarat bagi *tafsir maudu'i* jenis tema dengan mengumpulkan ayat- ayat yang mempunyai lafaz yang asas bagi tema. Disebabkan buku ini memuatkan ilmu sosiolinguistik, penulis telah mengumpulkan ayat-ayat yang berkait dengan tema dan mengambil kira juga dari aspek *sigbah*, *mushtaq* dan *tasrif*.

Antara aspek yang penting adalah menerangkan sebab nuzul, tertib ayat mengikut ayat Makkiah dan Madaniah. Penulis didapati tidak konsisten menjelaskan mengenai latar belakang ayat. Di kebanyakan bab diceritakan secara umum dan bukan khusus mengenai sebab penurunan ayat dan didapati tidak menerangkan tertib penurunan ayat. Langkah ketujuh adalah menafsirkan ayat berdasarkan kitab-kitab tafsir yang utama. Penulis menjelaskan makna ayat secara umum dengan merujuk kitab-kitab tafsir *tablili*. Pengarang menggunakan *tafsir bi al-ma'thur* seperti Tafsir al-Tabari dan Ibnu Kathir. Penulis turut mengambil pandangan al-Zamakhshari, Ibnu Asyur dan Fakhr Al-Din al-Razi yang cenderung menggunakan *tafsir bil ra'yi* dan terkenal dari segi aspek keindahan bahasa dalam tafsiran mereka. Penulis juga ada memasukkan hadis Nabi SAW yang ada kaitan di dalam tema haiwan. Hadis-hadis yang digunakan dalam kitab dipetik daripada sumber yang sahih dan kesemua hadis yang digunakan adalah bersesuaian dan bertepatan dengan ayat yang ditafsirkan. Hadis-hadis ini juga tidak digunakan secara berlebihan atau terlalu banyak dalam kitab sehingga menutupi tafsiran serta huraian ayat. Dalam langkah ke lapan, al-Khalidi menyatakan tema perlu dikaitkan dengan isu semasa dan memberi penyelesaian kepada masalah masyarakat. Dalam aspek ini, secara jelas penulis meletakkan rumusan pengajaran di akhir setiap bab yang dikaitkan dengan realiti yang berlaku dalam masyarakat. Contohnya, dunia Islam dikejutkan dengan karikatur yang mengejek Rasulullah SAW, diceritakan dalam bab unta. Begitu juga penulis menentang isu tentang adab berbicara dan bersuara dalam bab keldai. Beliau mengaitkan dengan konteks semasa dalam masyarakat dengan menjaga nilai-nilai kemanusiaan dalam semua peringkat, termasuklah ketika berbual dan berbicara. Penulis didapati mengemukakan kesimpulan bagi tafsiran ayat-ayat bagi tema seperti yang dicadangkan oleh al-

Khalidi dengan membuat rumusan bagi keseluruhan tafsiran ayat serta pandangan ulama tafsir bagi ayat-ayat yang ditafsirkan. Terakhir, hampir di semua bab, penulis banyak mengambil maklumat daripada kajian dan penyelidikan kontemporari terutamanya ketika menerangkan mengenai penemuan kajian dari kaca mata saintis. Menurut al-Khalidi, aspek ini penting bagi melihat aspek baharu dalam kajian yang telah dilakukan oleh penulis.

Dari aspek metodologi, buku *27 haiwan istimewa dalam al-Quran* ini ialah tafsir tematik yang tidak mengikut sepenuhnya prosedur *tafsir maudu'i* jenis tema terutamanya aspek tertib penurunan ayat, *asbabun nuzul* dan *munasabat* ayat. Dari segi isi kandungannya, amat menarik sekali apabila penulis bukan sahaja membahaskan semua jenis haiwan yang disebut di dalam al-Quran tetapi perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada jenis haiwan itu turut digabungkan. Tambah menarik, tabiat biologi haiwan yang diketahui oleh orang Arab melalui interaksi sosial mereka dengan dunia haiwan turut dikongsikan. Penulis juga didapati menolak secara jelas kisah israiliyyat agar minda pembaca tidak dicampuradukkan dengan hikayat jenaka. Penulis mengambil sokongan artikel jurnal terdahulu bagi menyokong fakta saintifik bagi sesuatu haiwan yang dibincangkan. Jika buku ini ingin diulang cetak, alangkah molek dibuat penambahbaikan dari segi sentuhan warna pada buku ini yang dilihat kelihatan sedikit suram. Walau bagaimanapun secara keseluruhan, kandungan buku ini sarat dengan pelbagai maklumat mengenai haiwan dalam al-Quran dan ketinggian dari segi penggunaan bahasa Arab.

Penghargaan

Makalah ini adalah sebahagian kajian yang dilakukan dalam program Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Sumbangan Pengarang

Artikel ini telah dilakukan secara bersama-sama daripada awal draf sehingga diterbitkan. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Tidak berkenaan

Deklarasi Penggunaan AI

Tidak Berkenaan